

14 FEB 1998

Mahathir-Singapura

MALAYSIA DAN SINGAPURA AKAN BINCANG HUBUNGAN LEBIH BAIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan membincangkan dengan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong mengenai "hubungan lebih baik" antara kedua-dua negara apabila kedua-dua mereka bertemu di sini pada Isnin.

"Kami cuma mahu membincangian bagaimana untuk mengatasi semua masalah ini dan mempunyai hubungan lebih baik," kata beliau ketika ditanya pemberita tentang pertemuannya dengan Goh apabila menghadiri perjumpaan Hari Raya anjuran Persatuan Bekas Pelajar Maktab Sultan Abdul Hamid (SAHOCA) di sini.

Goh dijadual tiba pada pagi Isnin untuk lawatan kerja selama dua hari. Ini merupakan pertemuannya yang ketiga dengan Dr Mahathir dalam masa sebulan.

Dalam wawancara dengan akhbar The Straits Times di Singapura yang disiarkan hari ini, Dr Mahathir berkata Malaysia dan Singapura boleh menyelesaikan banyak masalah dua hala jika kedua-dua negara mengamalkan sikap bertolak-ansur.

Kedua-dua pihak harus bersedia mendengar pandangan antara satu sama lain, kata beliau.

Dalam wawancara itu, Dr Mahathir berkata ada pendapat di Singapura yang menyatakan bahawa Malaysia akan menghentikan bekalan air kepada republik itu apabila perjanjian sekarang tamat tempohnya pada tahun 2061.

Beliau berkata itu bukan hasrat Malaysia dan bahawa beliau sedia berunding jika ia merugikan Malaysia.

Laporan itu juga memetik Dr Mahathir sebagai berkata bahawa Malaysia mempunyai interpretasi yang berbeza mengenai Perkara-perkara yang Dipersetujui (POA) yang ditandatangani dengan Singapura pada 1990.

Perjanjian itu, yang ditandatangani antara Perdana Menteri ketika itu Lee Kuan Yew dan Menteri Kewangan ketika itu Daim Zainuddin menggariskan syarat-syarat mengenai pembangunan dan status tanah milik Keretapi Tanah Malaysia Bhd di Singapura.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun perbezaan pendapat mengenai POA tidak harus menjadi batu penghalang kepada hubungan lebih baik Singapura-Malaysia yang menjadi tegang ekoran kenyataan Menteri Kanan Lee tahun lepas mengenai kadar jenayah di Johor.

Malaysia dan Singapura boleh bekerjasama bagi mewujudkan hubungan yang lebih baik dan kedua-duanya boleh bersaing dan membantu antara satu sama lain. Dr Mahathir juga berkata hubungan dua hala sekarang lebih baik berbanding tahun lepas, menurut laporan itu.

Kenyataan Kementerian Luar semalam menyatakan bahawa perbincangan antara Dr Mahathir dan Goh akan tertumpu kepada keadaan kewangan dan ekonomi di rantau itu dan usaha untuk meningkatkan perdagangan antara Asean serta menggalakkan penggunaan mata wang serantau.

Dalam pada itu, isu-isu dua hala juga dijangka disentuh dalam perbincangan antara kedua-dua pemimpin.

Pada perjumpaan Hari Raya itu, Perdana Menteri mengambil kesempatan untuk bertemu rakan-rakan lama dan guru.

Dr Mahathir yang juga Presiden SAHOCA memperolehi ijazah dari kolej itu pada 1946.

Ayahnya, Mohamad Iskandar, ialah guru besar pertama sekolah itu. Kolej itu akan menyambut ulang tahun ke-90 tahun ini.

Yang turut hadir ialah pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin  
Ramli selaku pengerusi SAHOCA. -- BERNAMA  
AFY FAZ